

## **ABSTRAK**

Tesis ini mengkaji aplikasi doktrin priviti di Malaysia and menghujahkan bahawa aplikasi doktrin ini kepada kontrak untuk faedah parti ketiga adalah bermasalah and memerlukan 'statutory reform'. Masalah utama doktrin ini adalah ia tidak dapat memenuhi hasrat parti-parti berkontrak untuk memberi faedah kepada parti ketiga. Masalah ini menjadi lebih rumit disebabkan oleh perkembangan kontrak untuk faedah parti ketiga sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Tesis ini mempertikaikan bahawa hak parti ketiga dalam kontrak boleh wujud di dalam teori kontrak. Perkembangan mekanisme dalam 'common law' untuk mengelakkan doktrin priviti di England, Australia dan Kanada juga dikaji untuk mempertimbangkan kemungkinan aplikasi mekanisme ini di Malaysia. Mekanisme yang dibincangkan termasuk agensi, amanah, tort, remedi-remedi kemungkiran kontrak dan lain-lain lagi. Kajian mekanisme ini menunjukkan bahawa terdapat banyak perkembangan yang boleh dipertimbangkan untuk diaplikasikan di Malaysia. Akan tetapi, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam mekanisme 'common law' untuk menyelesaikan masalah doktrin priviti. Jalan penyelesaian yang lebih berkesan adalah melalui 'statutory reform'. Oleh itu, kajian ini juga meliputi perbandingan 'statutory reform' untuk doktrin priviti di England, New Zealand dan Australia serta dengan perkembangan di Amerika Syarikat dan 'Principles of European Contract Law' yang digunakan oleh ahli-ahli 'European Union'. Kajian perbandingan ini menunjukkan bahawa 'statutory reform' di England melalui 'Contracts (Rights of Third Parties) Act 1999' yang terpilih untuk Malaysia tertakluk kepada beberapa perubahan supaya pembaruan undang-undang mengenai doktrin priviti di Malaysia adalah bersesuaian dengan keadaan di Malaysia.